

## Ada B40 miliki enam kereta, kata Tun M

KUALA LUMPUR - Terdapat dalam kalangan golongan berpendapatan rendah (B40) yang memiliki sehingga enam buah kereta menyebabkan sistem Program Subsidi Petrol (PSP) perlu disasarkan tepat kepada mereka benar-benar memerlukan.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, menerusi kaedah sedia ada, mereka yang menggunakan kenderaan mewah seperti Rolls Royce juga menikmati subsidi petrol.

Namun, katanya, melalui PSP kerajaan dapat mengelakkan pemberian subsidi diberikan kepada golongan kaya.

"Setelah dikaji, kita dapati ada orang di bawah B40 me-

iliki sehingga enam kereta dan menikmati pemberian subsidi minyak daripada kerajaan, sebab itu sekarang kita beri untuk satu kereta sahaja kalau mereka daripada B40.

"Kita tak boleh bagi subsidi kepada orang kaya pun," katanya pada sidang media di lobi Parlimen di sini semalam.

Dr Mahathir berkata, fokus kepada golongan memerlukan juga menyebabkan kerajaan meletakkan syarat golongan B40 dibenarkan menerima PSP terdiri daripada kereta bawah 1,600cc dengan terhad kepada sebuah kereta sahaja.

"Ini bantuan tepat kepada mereka yang perlu bantuan," katanya.